



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENGANUGERAHAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2022

Kuala Lumpur, 29 Jun 2022 - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2022 di Istana Negara, hari ini.

Pada majlis ini, Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong kepada dua belas (12) penerima iaitu lapan (8) orang di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dan empat (4) orang di peringkat Sarjana.

Dua (2) orang penerima akan melanjutkan pengajian di luar negara, manakala 10 orang penerima lagi telah dan akan melanjutkan pengajian di universiti penyelidikan dalam negara pada tahun ini.

Biasiswa Yang di-Pertuan Agong atau BYDPA merupakan biasiswa berprestij negara yang mula diperkenalkan pada tahun 2006 dan sehingga tahun 2022 sebanyak 17 sesi penawaran telah dilaksanakan.

Sehingga tahun ini, seramai 187 warganegara Malaysia telah diberi penajaan iaitu 94 orang di peringkat Ph.D dan 93 orang di peringkat Sarjana untuk pengajian dalam bidang Sains & Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang dan Kewangan Islam.

Jabatan Perkhidmatan Awam merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima BYDPA Tahun 2022 dan diharapkan dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang, seterusnya memberikan sumbangan kepada negara kelak.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 29 Jun 2022
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (33)

SENARAI PENERIMA BYDPA TAHUN 2022

CALON IJAZAH KEDOKTORAN (PH.D)

Bil.	Nama & Universiti	Bidang
1.	Nur Dini Fatini Binti Mohammad Faizal <i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	Penyelidikan Sains Farmaseutikal
2.	Muhammad Bin Mohamed Amin <i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	Kejuruteraan Pembuatan
3.	Nurfatihah Zulkifli <i>Universiti Malaya</i>	Biokimia
4.	Syed Muhammad Iqbal Bin Syed Othman <i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	Bioteknologi Tumbuhan
5.	Tharini A/P Ravindra Kumar <i>University of Cambridge</i>	Sains Genetik
6.	Nur Alia Afifah Binti Zakaria <i>Universiti Sains Malaysia</i>	Sains Kimia
7.	Chai Jian Yi <i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	Sains Perubatan
8.	Soon Wan Chi <i>Universiti Sains Malaysia</i>	Kejuruteraan Kimia

CALON SARJANA

Bil.	Nama & Universiti	Bidang
1.	Omar Bin Akbar Khan <i>London School of Economic</i>	Ekonomi
2.	Toh Liang Su <i>Universiti Putra Malaysia</i>	Sains Tumbuhan
3.	Ain Nur Afifah Binti Azman <i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	Sains Genetik
4.	Nursyamimi Binti Ramli <i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	Sains Perubatan